

Tewaskan sembilan institusi pengajian tinggi tempatan lain

# UTHM juarai pertandingan cipta robot



PASUKAN Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang menjuarai kategori robot paintball pada MUROC di Kangar, baru-baru ini.

Oleh HAMDAN TAWADI  
utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 8 Mac – Pasukan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul juara kategori robot paintball dalam Pertandingan Robot Antara Universiti Malaysia (MUROC) 2011 yang diadakan di Dewan Wawasan 2020, Kangar baru-baru ini.

Dalam kategori tersebut, UTHM yang dianggotai penuntut-penuntut kejuruteraan mekanikal muncul juara setelah menewaskan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada pertandingan akhir manakala Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) terpaksa berpuas hati dengan tempat ketiga.

Dengan kemenangan itu, UTHM yang berjaya menewaskan sembilan pasukan dari institusi pengajian tinggi (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam kategori tersebut, membawa pulang RM1,500 berserta piawai iringan.

Menurut laman web UTHM, MUROC adalah acara tahunan dan kali ini UniMAP dipilih menjadi tuan rumah pertandingan yang turut mendapat kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pertandingan robot itu yang diadakan bermula 25 hingga 27 Februari lalu dibahagikan kepada enam kategori iaitu paintball, menyatkan tali dan memadam kebakaran.

Ia melibatkan penyertaan UniMAP, UTHM, PSDC, Universiti Putra Malaysia (UPM), Po-

liteknik Sultanah Bahiyah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu, UiTM Shah Alam, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Turut serta Politeknik Sultan Ahmad Shah, Politeknik Port Dickson, Politeknik Ungku Omar, Institut Jerman Malaysia (GMI), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Politeknik Kuching.

Sementara itu, kategori memanjang tali menyaksikan UPM A menewaskan UPM B untuk menjadi juara manakala UiTM meraih tempat ketiga.

UPM turut menjuarai kategori memadam api setelah mengalahkan UiTM pada pertandingan akhir manakala UniMAP mendapat tempat ketiga.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor UniMAP berkenan mencermati duli menyampaikan hadiah kepada pasukan juara setiap kategori yang membawa pulang piala beserta wang tunai RM1,500, naib juara (RM1,250) dan tempat ketiga (RM1,000).

Dalam hebahan melalui laman web UTHM, pasukan universiti itu menyatakan kemenangan yang dicapai memberi tambahan semangat kepada kakitangan dan penuntut untuk bekerjasama dalam meneroka pengetahuan baru dan teknologi secara lebih berkesan.